

SWCorp kutip 18,000 tan sisa banjir

Mohd Rafi Mamat
am@hmetro.com.my



KERJA memindahkan sisa banjir di tapak pengumpulan sementara di Taman Bukit Rangin Perdana Dua. FOTO MOHD RAFI MAMAT

Kuantan: Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Pahang memungut lebih 18,000 tan sisa banjir sejak operasi pembersihan pasca banjir di sembilan daerah di negeri ini mulai 22 Disember lalu hingga hari ini.

Pengarahnya Sharudin Hamid berkata, jumlah sisa banjir paling banyak dikutip membabitkan tiga daerah iaitu di Bentong, Temerloh dan Kuantan.

Menurutnya, antara barangan banyak dibuang ialah perabot dan tilam selain peralatan elektrik yang musnah ditenggelami air.

Katanya, pihaknya menjangkakan jumlah sisa banjir akan bertambah terutama apabila aktiviti membersihkan rumah dijalankan secara berterusan.

"Kebanyakan sisa banjir yang diletakkan berhampiran rumah sudah selesai dipungut, cuma kini kita membuat rondaan pusingan kedua sekiranya terdapat sisa yang tertinggal.

"Kita menumpukan kepada usaha memindahkan sisa banjir yang dikumpul di tapak pengumpulan sementara untuk dihantar ke pusat pelupusan," katanya ketika dihubungi, di sini.

Menurutnya, pihaknya menjangkakan dalam masa seminggu hingga dua minggu lagi semua sisa banjir di tapak pengumpulan sementara habis dipindahkan ke pusat pelupusan

Katanya, dua tapak pengumpulan sementara di Taman Seri Inderapura dan Bukit Rangin, di sini, juga sudah ditutup, hari ini.

"SWCorp berterima kasih atas kerjasama pelbagai pihak dan ia secara tidak langsung melancarkan operasi pembersihan supaya kawasan dilanda banjir bebas sampah," katanya.

Disiarkan pada: Januari 3, 2022 @ 4:44pm